

# Serah senjata PBB kepada Malbatt: PM

Oleh Lichong Angkui

KUALA LUMPUR: Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) perlu meninggalkan senjata dan peralatan mereka kepada Batalion Malaysia (Malbatt) jika pasukan perlindungan pelbagai negara (Unprofor) meninggalkan Bosnia-Herzegovina, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, jika Unprofor meninggalkan Bosnia, senjata yang ditinggalkan mereka sekurang-kurangnya membolehkan anggota Malbatt mempertahankan diri serta melindungi rakyat negara itu.

Beliau juga meminta PBB menyerahkan segala senjata dan peralatan milik pasukan PBB lain kepada tentera Pakistan dan Turki yang langsung tidak menerima bantuan badan dunia itu.

"Sepatutnya kalau PBB

ingin mengundur diri, serahkan saja senjata mereka kepada Malaysia kerana kita boleh guna untuk mempertahankan diri serta orang Bosnia.

"Segala peralatan yang dimiliki pasukan PBB yang tidak digunakan untuk mempertahankan orang Bosnia, sepatutnya diserahkan saja kepada pasukan Pakistan, Turki dan Malaysia," katanya kepada pemberita selepas menyaksikan kereta yang menyertai perlumbaan Rali Malaysia 1994 di Tasik Perdana, di sini, semalam.

Ketika ini, ada kira-kira 1,500 anggota Malbatt di Bosnia-Herzegovina dan mereka hanya dilengkapi senjata ringan.

Sebelum itu, Perdana Menteri melepaskan 45 peserta peringkat pertama rali di hadapan Bangunan Sultan Abdul Samad, di sini. Keseluruhan rali tiga

peringkat itu meliputi jarak sejauh 993.59 kilometer.

Dr Mahathir berkata, pasukan Malbatt tetap komited mempertahankan kedaulatan Bosnia-Herzegovina walaupun PBB dan Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (Nato) tidak lagi mahu memikul tanggungjawab itu.

Ditanya mengenai keputusan Amerika Syarikat memberi tempoh sehingga akhir Oktober bagi pengganasan Serb Bosnia menerima pelan damai, beliau berkata langkah itu wajar dibuat kerana kini jelas Nato tidak lagi mahu mengambil tanggungjawab mempertahankan orang Bosnia.

"Bahkan kalau Serb menyerang, Nato membayangkan akan undur. Begitu juga jika sekatan senjata ditamatkan dan orang Bosnia mendapat

senjata, mereka akan mengundurkan diri.

"Jadi kalau mereka bersikap demikian, apa gunanya berada di situ. Lebih baik undur saja dan serahkan pertahanan kepada pihak Bosnia dengan syarat lengkapkan Bosnia dengan senjata sama dengan yang dimiliki Serb.

"Kalau mereka mengundurkan diri sebelum orang Bosnia mendapat bekalan senjata, ini samalah juga dengan mengikat tangan orang Bosnia dan membiarkan Serb menyembelih mereka," katanya.

Laporan akhbar semalam menyebut Presiden Bill Clinton menetapkan akhir Oktober ini sebagai tempoh pemutus bagi pengganasan Serb Bosnia menerima pelan damai sebelum Amerika Syarikat meminta PBB menghapuskan sekatan senjata terhadap Bosnia.

Setakat ini Perancis mempersetujui langkah itu manakala Britain membayangkan sokongan, tetapi belum membuat sebarang komitmen.

Dr Mahathir bagaimanapun meragui pelaksanaan kata dua itu. "Yang saya yakin, mereka akan mengutamakan leher mereka dan keselamatan diri sendiri. Mereka bukan ingin menyelamatkan orang lain.

"Kalau tidak ada kepentingan, mereka akan menyerahkan nasib orang lain kepada orang itu sendiri," katanya.

Perdana Menteri berkata keadaan di Rwanda adalah bukti jelas ketidakikhlasan kuasa besar dunia. "Kerana mereka tidak ada minyak atau kepentingan lain (di Rwanda), maka dibiarkan saja 500,000 orang Rwanda dibunuh," katanya.